



جَابِتُونِ مُفْتَى نِجَرِي سِلَانْغُورِ

KENYATAAN MEDIA

PENENTUAN TARIKH HARI RAYA EIDUL FITRI DI MALAYSIA

الحمد لله رب العالمين . والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين .
وعلى آله وأصحابه أجمعين . أما بعد ،

Jabatan Mufti Negeri Selangor mengambil maklum bahawa Akademi Sains Astronomi, Angkasa Lepas dan Teknologi Sharjah (SAASST) iaitu sebuah institusi di Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang menjalankan penyelidikan angkasa lepas dan cerapan astronomi dan beberapa buah negara Arab lain telah mengumumkan tarikh jangkaan 1 Syawal 1447H adalah pada hari Jumaat 20 Mac 2026. Jabatan ini juga mengambil maklum bahawa permulaan puasa iaitu 1 Ramadhan bagi negara-negara Arab tersebut adalah pada hari Rabu 18 Februari 2026. Ini bermakna masyarakat Islam di negara-negara Arab yang berkaitan akan berpuasa Ramadhan selama 30 hari.

Permulaan puasa bagi umat Islam di negara-negara Arab pada tahun ini adalah berbeza dengan permulaan puasa di Malaysia termasuk Selangor kerana tarikh **1 Ramadhan ditetapkan pada hari Khamis 19 Februari 2026**. Dalam hal ini, Malaysia mengguna pakai kriteria *imkan al-ru'yah* (kebolehnampakan) *hilal* (anak bulan) dalam menentukan awal bulan Islam termasuk bulan Ramadhan dan Syawal, melalui proses cerapan *hilal* (anak bulan) yang dilakukan pada hari ke- 29 pada bulan Sya'ban atau Ramadhan, mengikut mana-mana yang berkenaan. Ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

صُومُوا لِرُؤْيَيْهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤْيَيْهِ

Maksudnya : Berpuasalah kalian kerana melihatnya (anak bulan Ramadhan), dan berbuka (berhari raya) lah kalian kerana melihatnya (anak bulan Syawal).

(Riwayat al-Bukhari)

Kriteria *imkan ar-ru'yah* menetapkan bahawa *hilal* (anak bulan) dianggap boleh kelihatan apabila memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Tinggi anak bulan tidak kurang daripada 3 darjah ketika matahari terbenam, dan
- ii. Jarak lengkung (elongasi) matahari-bulan tidak kurang daripada 6.4 darjah.

Sehubungan dengan itu, cerapan rasmi *hilal* (anak bulan) Syawwal bagi penentuan Hari Raya Eidul Fitri di Malaysia pada tahun ini akan dilakukan pada **29 Ramadhan 1447H bersamaan hari Khamis 19 Mac 2026**. Setelah menerima laporan cerapan daripada Ketua Jawatankuasa Melihat Anak Bulan di setiap negeri dan dengan perkenan Majlis Raja-Raja Malaysia, maka Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja akan mengisytiharkan tarikh Hari Raya Eidul Fitri pada malam tersebut.

Perlu difahami bahawa permulaan awal bulan Islam adalah bergantung kepada kenampakan *hilal* (anak bulan) dan data-data kedudukan bulan pada tarikh cerapan di satu-satu negara. Setiap negara mempunyai *matla' ru'yah* yang berbeza dan penentuan awal bulan Islam di satu-satu negara tidak tertakluk kepada hasil kenampakan *hilal* (anak bulan) atau data-data kedudukan anak bulan di negara lain.

Oleh itu, umat Islam di negeri Selangor dinasihatkan agar kekal bertenang dan fokus kepada ibadah puasa khususnya pada sepuluh hari yang terakhir Ramadhan. Marilah sama-sama kita menghormati proses cerapan *hilal* (anak bulan) Syawwal dan menunggu pengisytiharan Hari Raya Eidul Fitri oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja pada **29 Ramadhan 1447H bersamaan hari Khamis 19 Mac 2026**.

Sekian dimaklumkan. Jazakumullah khairan.



DATO' SETIA DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR

S.S.I.S., D.P.M.S.

Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor